

03/12/1997

Kajian dana lindung nilai siap Januari

TABUNG Mata Wang Antarabangsa (IMF) berharap dapat menyiapkan kajiannya mengenai dana lindung nilai dan masalah mata wang di rantau ini menjelang minggu pertama bulan depan, kata Pengarah Urusannya, Michel Camdessus.

"Satu daripada rumusan itu adalah menjadi satu kesilapan untuk mengaitkan keadaan pergolakan ekonomi yang menimpa negara-negara Asean ketika ini dengan dana lindung nilai dan spekulasi," katanya dalam sidang akhbar di sini semalam.

Cadangan untuk mewujudkan peraturan dalam urus niaga mata wang dikemukakan Perdana Menteri Datuk seri Dr Mahathir Mohamad dalam mesyuarat tahunan IMF-Bank Dunia di Hong Kong September lalu.

Malaysia berpendapat, peraturan itu bertujuan melindungi pasaran daripada serangan manipulasi berlebihan seperti yang dihadapi rantau ini sejak Julai lalu.

Walaupun sudah mempunyai garis panduan bagi peraturan berhemat dan kawal selia bagi bank, IMF yang beribu pejabat di Washington belum mempunyai garis panduan bagi dana lindung nilai dan kegiatan firma pelaburan yang terbabit dalam kegiatan mata wang.

Camdessus berkata, beliau turut membincang soal itu dalam pertemuan selama sejam dengan Dr Mahathir di ibu negara semalam dan sekali lagi membangkitkan perkara sama dalam mesyuarat dengan Menteri Kewangan Asean pada sebelah petang.

Bagaimanapun, katanya, sebelum membuat sebarang peraturan dalam urus niaga mata wang, pelbagai perkara perlu diambil kira untuk diteliti dan kesannya dikaji.

"Kita perlu melihat bagaimana pergerakan pasaran, perubahan struktur yang berlaku terutama revolusi rangkaian maklumat sejak beberapa tahun kebelakangan ini dan meninjau bagaimana memperkenalkan peraturan.

"Malahan jika masalah itu ditangani sekalipun, kita terpaksa menganalisis bagaimana pasaran beroperasi, apakah perubahan struktur yang berlaku dan memerhati jika ada perubahan dalam kawal selia pasaran, terutama dana lindung nilai dan kami sudahpun menjalankan usaha mengenai perkara itu," katanya.

"Bagaimanapun, anda mesti faham jika mahu mengawal selia, anda mesti memastikan peraturan itu tidak akan menghalang dana lindung nilai daripada melakukan tugas mereka yang dilakukan dari semasa ke semasa," katanya.

Bagaimanapun katanya, soal cadangan mahu mewujudkan peraturan dalam urus niaga mata wang belum dibincangkan dengan Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO).

Mengenai Dana Asia, beliau berkata, ia adalah satu persetujuan bagi pengawasan serantau dan penting kepada negara anggota kerana dana itu akan diguna untuk mengekang kegawatan.

Beliau berkata kegawatan dalam pasaran itu adalah "simptom masalah yang sudah berakar umbi yang perlu ditangani dengan segera."

Bagaimanapun, beliau berkata IMF percaya ia akan menjadi satu langkah baik untuk mengukuhkan keperluan laporan peniaga pertukaran asing yang dipatuhi hanya sebilangan kecil negara-negara..

Camdessus berkata adalah penting untuk memastikan pusat luar pesisir tidak menarik dana lindung nilai dan institusi pasaran lain kerana adalah sukar untuk menguatkuasakan peraturan ke atas mereka.

"Kerana itu kita tidak mempunyai apa-apa sebagai peraturan dan malahan mempunyai masalah pergolakan yang lebih serius dalam pasaran," katanya.

( END )